

Tambahan RM200 juta bangunkan TVET - PM

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

KUALA LANGAT: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menerima peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta lagi daripada kerajaan sebagai inisiatif untuk memperkasa bidang tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan tersebut untuk pemerkasaan dalam program kenderaan elektrik (EV), keselamatan siber, kecerdasan buatan, kemahiran lanjutan, teknologi elektrik, perladangan, pentemakan dan automasi pertanian serta industri nadir bumi.

Menurut beliau, peruntukan itu akan disalurkan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, selain Majlis TVET Negara akan menentukan bidang keutamaannya.

"Pembiayaan bidang ini akan menggalakkan institusi TVET membangunkan program latihan, selari hasrat kerajaan untuk memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030," katanya ketika berucap pada perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2024 semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Lebih 50,000 pengunjung membabitkan pelajar sekolah, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan siswa institusi TVET memeriahkan sambutan sejak semalam yang menyediakan lima pengisian termasuk pa-



ANWAR Ibrahim dan Ahmad Zahid Hamidi mengunjungi pameran selepas majlis perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2024 di Kuala Langat semalam.

meran kerjaya TVET oleh pemain-pemain industri.

Pada majlis tersebut Perdana Menteri turut melancarkan Dasar TVET Negara 2030 menjadi rujukan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju kerajaan bagi memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik dapat dilakukan menjelang tahun 2030.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut bersetuju untuk mewujudkan lebih banyak segmen TVET terutama kepada masyarakat Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak, apabila menyifatkan ia selari dengan dasar ekonomi Madani.

"Cadangan tersebut untuk orang kurang upaya (OKU), orang asal (Sabah dan Sarawak), saya percaya ia selari kerangka ekonomi Madani," jelasnya.

Dalam pada itu, kata beliau, TVET boleh terus dikembangkan melalui peruntukan yang lebih besar jika kegiatan rasuah dan sakau dapat dihentikan dengan perolehan semula ratusan juta ringgit.

Oleh itu, kata beliau, tindakan khianat itu perlu dihentikan kerana negara mempunyai potensi besar dalam sektor TVET apabila menjadi pusat penting pelaburan terutama dalam semikonduktor.

"Pembiayaan bidang ini akan menggalakkan institusi TVET membangunkan program latihan, selari hasrat kerajaan untuk memantapkan sektor dan industri..."

ANWAR IBRAHIM